

20/08/2002

Usah pertikai hak Malaysia pertahankan peraturan

JANUARI lalu, Kabinet memutuskan untuk menghentikan pengambilan baru pekerja Indonesia bagi semua sektor kecuali pembantu rumah seiring dengan dasar baru kerajaan bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Keputusan itu yang didorong oleh rusuhan kira-kira 500 Indonesia di kilang Hualon Corporation (M) Sdn Bhd, Nilai, selain pergaduhan dan rusuhan di Kampung Limau Manis, Dengkil, seharusnya menjadi isyarat jelas bahawa undang-undang negara ini tidak boleh sama sekali dikompromikan. Jauh daripada menghormati pendirian itu, dua akhbar utama Indonesia sebaliknya membidas tindakan berkenaan kononnya sebagai tidak adil. Malah, beberapa aktivis buruh dan pertubuhan bukan kerajaan turut mengadakan tunjuk perasaan di depan Kedutaan Malaysia di selatan Jakarta bagi membantah pendirian Malaysia yang dianggap tidak bertimbang rasa.

Terbaru, Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR), Amien Rais, pula kelmarin membidas Malaysia berhubung hukuman sebat yang dianggapnya tidak berperikemanusiaan terhadap ramai pekerja tanpa izin Indonesia. Lebih daripada itu, hukuman berkenaan yang terkandung dalam Akta Imigresen 1959/63 (pindaan 2002) yang berkuat kuasa 1 Ogos lalu, disifatkannya satu penghinaan kepada seluruh Indonesia sambil mengingatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar menghentikan bermain api. Memang mudah bagi Amien menyatakan Indonesia mempunyai hak untuk marah kepada Malaysia kerana kononnya terhina atas tindakan itu tanpa bermodal apa-apa selain 'omong kosong' yang hanya bertujuan untuk meraih populariti.

Hakikat bahawa ratusan ribu pendatang tanpa izin Indonesia sanggup bersabung nyawa beresak-asak dalam bot kecil meredah lautan untuk ke Malaysia, boleh turut dipersalahkan kepada MPR. Apakah yang dilakukan MPR pimpinan Amien untuk menggubal undang-undang bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan agar rakyat tidak perlu menceroboh masuk ke negara lain? Apakah yang dilakukan MPR untuk memperketatkan proses transmigrasi rakyatnya agar memilih saluran sah? Tidak keterlaluan dikatakan Indonesia selama ini sudah cukup dibebani masalahnya sendiri untuk cuba mencampuri urusan negara lain. Rasanya ratusan ribu pendatang tanpa izin Indonesia yang sudah pulang ke tempat asal mereka akan lebih mengharapkan tindakan lebih konkrit daripada sekadar kritikan yang kononnya membela nasib mereka.

Sebarang tindakan Malaysia untuk mengenakan hukuman terhadap rakyat Indonesia yang melanggar undang-undang adalah hak negara ini memelihara kedaulatan undang-undangnya. Sekiranya Amien memilih untuk lebih prihatin, hukuman sebat dilaksanakan tanpa membeza-bezakan kerakyatan Indonesia, Bangladesh, Filipina, Myanmar atau sesiapa saja, termasuk majikan di kalangan rakyat Malaysia sendiri yang melindungi pendatang tanpa izin. Masa secukupnya sudah diberikan sejak program pengampunan bermula 21 Mac lalu bagi rakyat asing yang tidak memiliki permit kerja yang sah, pulang tanpa dikenakan kompaun. Anehnya, Amien tidak pun tergolong di kalangan pemimpin Indonesia yang merayu agar pendatang tanpa izin republik itu segera pulang bagi mengelakkan risiko dikenakan hukuman berkenaan, sebaliknya hanya berkokok sesudah ada antara mereka disebat.

Tanpa hanya terbatas kepada pengambilan pekerja asing, kerjasama Malaysia-Indonesia selama ini mencakupi pelbagai bidang, termasuk ekonomi, sosial dan politik dalam usaha merealisasikan semangat Asean dan rumpun Nusantara. Malah, dalam pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden Megawati Sukarnoputri di Bali, 8 Ogos lalu, Kuala Lumpur dan Jakarta bersetuju

menyelesaikan urusan kemasukan pekerja Indonesia secara sah serta penghantaran pulang mereka yang masuk secara haram ke Malaysia menerusi semangat persahabatan dua negara jiran. Maka, tidak harus sama sekali timbul tanggapan kononnya Malaysia bermain api kecuali ada pihak yang sengaja mahu mengapi-apikan hubungan kedua-dua negara untuk menonjolkan kejaguan.